

Headline	Misi juara trebel		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	29 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Sukan	Page No	55
ArticleSize	366 cm ²	Journalist	Sukhairi Thani
PR Value	RM 36,357		



Pemain TNB meraikan kejayaan menjuarai MHL 2024 kelmarin.

(Foto BERNAMA)

Liga Hoki Malaysia 2024

Misi juara trebel

Skuad TNB akhiri penantian 21 tahun raih gelaran liga

Oleh **Sukhairi Thani**
sukhairi@bh.com.my

Kuala Lumpur: Selepas menamatkan penantian 21 tahun untuk muncul juara Liga Hoki Malaysia 2024 (MHL) kelmarin, misi pasukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kini terarah untuk memburu kejuaraan Piala TNB.

Piala TNB harus menjadi buaian skuad kendalian Nor Saiful Zaini Nassiruddin melengkapkan musim gemilang dengan kejuaraan trebel selepas memenangi Piala Sumbangsih dan Piala Liga.

Menurut Nor Saiful, kejayaan pemain menamatkan kemarau 21 tahun gelaran liga sememangnya pencapaian membanggakan tetapi menegaskan tugas mereka belum selesai.

"Kita main hari ini untuk melihat perlawanan seterusnya dan kita nak pastikan dapat mengekalkan momentum ini ke perlawanan suku, separuh dan akhir (Piala TNB). Itu yang kita nak capai. Yang mana kita sudah capai kita tak mahu tengok lagi. Kita terus memandangi perlawanan penting selepas ini," katanya.

Fewaskan JM Antsbeles 22-1
Terdahulu, dalam perlawanan terakhir liga di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil kelmarin, TNB ternyata berada di kelas tersendiri apabila membelasah JM Antsbeles 22-1 untuk menghimpun 26 mata bersama Terengganu Hockey Team (THT) tetapi dinobatkan

juara atas kelebihan jaringan

Kejayaan itu membolehkan mereka melakar kejuaraan berganda selepas turut cemerlang mengalahkan THT menerusi penentuan penalti 3-1 dalam Piala Sumbangsih awal bulan lalu.

Untuk rekod, ini adalah gelaran liga keenam buat TNB selepas turut melakukannya sebanyak lima kali sebelum ini pada 1990, 1991/92, 2000/01, 2002 dan 2003.

Sementara itu, gelaran naib juara menjadi milik THT selepas mereka dipaksa berhempas pulas sebelum mencatat kemenangan 4-3 ke atas Maybank dalam satu lagi pertemuan.

Selain TNB dan THT, enam lagi pasukan yang layak ke suku akhir Piala TNB ialah Maybank, Nurinsafi Sporting, UITM HAKPT, TNB Thunderbolts, Liaoning Men's HT dan Kuala Lumpur City dengan saingan dijadualkan esok.